



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN  
TRENDS IN SOCIAL SCIENCES  
(IJMTSS)

[www.ijmtss.com](http://www.ijmtss.com)



**PEMEROLEHAN KEMAHIRAN VOKASIONAL DAN ILMU  
PENGETAHUAN DALAM KALANGAN PESALAH JUVANA**

*ACQUISITION OF VOCATIONAL SKILLS AND KNOWLEDGE AMONG  
JUVENILE OFFENDERS*

Noor Insyirah Abu Bakar<sup>1\*</sup>, Amir Hasan Dawi<sup>2</sup>, Abdul Talib Mohamed Hashim<sup>3</sup>, Mohd Muslim Md Zalli<sup>4</sup>, Adam Zulkarnain Saleng<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: insyirah@fpm.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: amir.hasan@fpm.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: abdul.talib@fpm.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: muslim@fpm.upsi.edu.my

<sup>5</sup> Perpustakaan Negara Malaysia  
Email: adam@pnm.gov.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 10.05.2021

Revised date: 27.05.2021

Accepted date: 18.07.2021

Published date: 09.09.2021

**To cite this document:**

Abu Bakar, N. I., Dawi, A. H., Hashim, A. T. M., Md Zalli, M. M., & Saleng, A. Z. (2021). Pemerolehan Kemahiran Vokasional Dan Ilmu Pengetahuan Dalam Kalangan Pesalah Juvana. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4 (17), 09-18.

**Abstrak:**

Pendidikan dan ilmu kemahiran penting bagi semua individu termasuklah golongan juvana di institusi pemulihan. Oleh itu pemberian ilmu pendidikan dan latihan vokasional adalah langkah yang sewajarnya kepada juvana ini. Artikel ini bertujuan untuk meneroka aspek pemerolehan ilmu dan kemahiran vokasional dalam kalangan juvana di dua buah institusi pemulihan juvana. Kajian kes telah digunakan bagi meneroka isu ini. Responden kajian adalah seramai 8 orang guru dan 15 orang juvana yang dipilih melalui pensampelan bertujuan. Data kajian pula diperolehi secara temu bual dan pemerhatian. Dapatan menunjukkan para juvana dalam kajian ini telah menguasai kemahiran vokasional dan ilmu pendidikan yang dipelajari hasil penyertaan mereka di kelas dan bengkel. Sesungguhnya melalui pemberian peluang mempelajari ilmu pengetahuan dan kemahiran vokasional membawa kebaikan kepada juvana.

**Kata Kunci:**

Pendidikan, Kemahiran Vokasional, Juvana, Institusi Pemulihan

DOI: 10.35631/IJMTSS.417002

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstract:**

Education and skills are important for all individuals, including juveniles in rehabilitation institutions. Therefore, the provision of education and vocational training is an appropriate step for these juveniles. This article aims to explore aspects of the acquisition of knowledge and vocational skills among juveniles in two juvenile rehabilitation institutions. The case study was utilized to explore this issue. The respondents of this study consist of 8 teachers and 15 juveniles, selected through purposive sampling. The data were obtained through an interview session and observation. The findings showed that the juveniles in this study have mastered the vocational skills and educational knowledge as a result of their participation in classes and workshops. Indeed, by providing opportunities to learn knowledge and vocational skills, it brings benefits to juveniles.

**Keywords:**

Education, Vocational Skills, Juvenile, Rehabilitation Institution

**Pendahuluan**

Sesungguhnya tujuan kemasukan seseorang juvana ke dalam institusi pemulihan adalah untuk memastikan adanya perubahan dalam aspek tingkahlaku mereka. Akan tetapi di Malaysia, perubahan yang ingin dicapai bukan hanya memfokuskan kepada tingkahlaku semata-mata, malah aspek pendidikan dan kemahiran vokasional turut dititikberatkan.

Ini selaras dengan pandangan Burke & Dalmage, (2016) dan Benner, et.al (2017). Pemberian pendidikan sememangnya penting ketika juvana berada di dalam tahanan. Melalui pendidikan yang teratur dan bersesuaian ianya sangat membantu perubahan bukan hanya dalam aspek tingkahlaku, malah peningkatan penguasaan ilmu yang berguna (Wexler, et. al. 2014).

Secara asasnya setelah dimasukkan ke dalam institusi pemulihan akan terdapatnya perubahan dalam aspek tingkahlaku juvana. Ini turut diperakukan oleh Abu Bakar, et.al (2020) hasil kemasukan juvana di institusi pemulihan telah membawa perubahan dalam diri juvana dalam aspek tingkahlaku mereka. Namun dalam konteks institusi pemulihan di Malaysia aspek perubahan lain yang tidak kurang pentingnya adalah pemerolehan ilmu dan kemahiran vokasional. Aspek ini yang cuba dibincangkan dalam artikel ini.

**Tinjauan Literatur**

Delikueni adalah perlakuan dan tingkahlaku yang melanggar undang-undang negara oleh golongan remaja (Regoli & Hewitt, 2003; Azizi Yahaya & Rosnah Buang, 2007). Delikueni sering dikaitkan dengan pelbagai faktor penyebab antaranya adalah remaja yang tidak berpendidikan (tidak bersekolah) dan taraf pendidikan rendah (bersekolah separuh jalan). Ini dapat dilihat dalam beberapa kajian misalnya (Foley, 2001; Balfanz, Spiridakis, Neild & Letgers, 2003; Leone & Weinberg, 2012) yang menunjukkan kepada kita juvana yang berada dalam institusi pemulihan mempunyai pencapaian akademik rendah atau gagal dalam pendidikan. Oleh yang demikian pemberian pendidikan dan ilmu kemahiran amat perlu untuk para juvana. Seandainya mereka mempunyai ilmu dan kemahiran, mereka berupaya mencari pekerjaan setelah bebas dan ini dapat mengelakkan pengulangan delikueni semula.

Hasil tinjauan mendapati setelah mengikuti kelas akademik dan bengkel kemahiran di dalam institusi pemulihan sememangnya membawa perubahan dalam diri juvana. Misalnya menurut pandangan Esa, et al. (2017) rata-ratanya juvana mempamerkan peningkatan dalam penguasaan ilmu akademik dan kemahiran berbanding sebelum dimasukkan ke dalam institusi pemulihan.

Ini termasuklah apa yang dilakukan di salah satu institusi pemulihan di Singapura. Kajian oleh Oh, Goh, Tam & Heng, (2005) telah dijalankan di sebuah sekolah dalam penjara iaitu *Kaki Bukit Centre Prison School* (KBC). Dapatan kajian ini mendapati apabila juvana mengikuti kelas akademik dan latihan vokasional mereka mempamerkan keputusan baik dan terdapat segelintir daripada mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tertiar. Menurut pengkaji-pengkaji ini lagi selama tempoh 4 tahun penekanan kepada aspek akademik dan kemahiran, institusi pemulihan KBC telah berupaya melahirkan para juvana yang berjaya menguasai pelbagai kemahiran dan ilmu semasa.

Begitu jugalah di Hong Kong, pelbagai program turut diperkenalkan menurut Tam & Heng (2008), antaranya program pendidikan akademik dan latihan vokasional. Kedua-dua program ini di bawah kelolaan jabatan '*Corredional Services Department*' (CSD). Secara asasnya di bawah program pendidikan, terdapatnya subjek umum seperti matematik, bahasa inggeris, teknologi maklumat yang diajar oleh guru bertauliah. Kesemua para juvana diberi peluang mengambil bahagian dalam peperiksaan awam sebagaimana pelajar biasa. Sementara dalam program latihan vokasional seperti membaiki penghawa dingin, bertukang dan pentadbiran perniagaan. Hasil dapatan kajian ini mendapati, kedua-dua program ini amat membantu perubahan juvana dalam intelek (meningkatkan kemahiran & pengetahuan), berbanding sebelum dimasukkan ke institusi. Oleh itu program untuk juvana di Hong Kong, berupaya mencapai tujuan mengubah juvana ini.

Seterusnya kajian oleh Oesterreich & Flores (2009), berlandaskan pendekatan kualitatif pula melaporkan bahawa program pendidikan berteraskan seni visual yang memberi impak positif terhadap juvana dalam meningkatkan aspek kognitif dan pemikiran mereka. Selain itu para juvana dalam konteks kajian ini juga mempamerkan pemerolehan ilmu kesenian yang boleh digunapakai kelak nanti.

Di negara Turki juga turut menekankan penyediaan program pendidikan untuk para juvana mereka. Salah seorang pengkaji di Turki iaitu Ozdemir (2010), cuba melihat pendekatan program akademik dan kesannya terhadap juvana di sana. Objektif kajiannya memfokuskan program pendidikan yang telah dijalankan di '*Ankara Juvenile and Youth Closed Prison*'. Metod kajian adalah secara kuantitatif dan kualitatif. Responden seramai 89 orang juvana dan 4 daripada jumlah ini telah ditemubual secara terperinci. Secara keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan juvana menyatakan program akademik memuaskan dan membantu merubah diri mereka dalam aspek pemerolehan ilmu pendidikan yang berguna untuk kehidupan mereka apabila dibebaskan nanti.

Berikutnya pula adalah kajian oleh Muhammad Rashid Rajudin & Dayana Farzeeha Ali, (2010) yang memfokuskan kepada latihan vokasional yang diikuti oleh juvana di sebuah institusi pemulihan juvana iaitu Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka. Kajian ini melibatkan 116 orang juvana. Dapatan secara keseluruhan mendapati para juvana dalam kajian ini menyatakan kemahiran vokasional yang dipelajari dan yang dikuasai ini memberi kepentingan kerana kemahiran tersebut boleh diaplikasi dalam kerjaya kelak. Para juvana

dalam kajian ini juga sangat berminat dalam mempelajari kemahiran vokasional kerana mereka berpandangan bahawa dengan menguasai kemahiran vokasional dapat merubah kehidupan mereka nanti.

Kepentingan kemahiran vokasional turut diperincikan oleh Ameen & Lee (2012), melalui artikel mereka, iaitu '*vocational training in juvenile detention: A call for action*'. Menurut penulis ini antara faedah kemahiran vokasional terhadap juvana adalah dapat membantu mereka mencari pekerjaan kelak kerana mereka telah memperolehi kemahiran tambahan. Selain itu menurut penulis ini lagi, juvana akan memasuki alam dewasa jadi mereka memerlukan kemahiran asas untuk '*survival*' hidup. Maka melalui latihan vokasional, apa dipelajari dan yang telah dikuasai akan dipraktikkan di kemudian harinya. Oleh itu melalui artikel ini memberi gambaran apabila juvana diberikan latihan kemahiran vokasional dan mereka berjaya menguasainya, jadi ianya banyak memberi faedah kepada kehidupan mereka.

Manakala dalam kajian oleh Juhász, (2014), yang melibatkan 129 pesalah di 4 buah pusat penahanan di 4 kawasan berbeza iaitu Kecskemét, Pécs, Szirmabesenyő dan Tököl. Pengumpulan data kajian menggunakan soal selidik dan temu bual. Pengumpulan data adalah selama 3 bulan. Kajian ini mendapati rasional kepada pemberian pendidikan kepada juvana adalah kerana mereka rata-ratanya mempunyai taraf pendidikan yang rendah dan tidak bersekolah langsung. Selain itu, dapatan turut menunjukkan bahawa pendidikan formal dan latihan vokasional, amat penting dalam melengkapkan ilmu pengetahuan serta kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan apabila dibebaskan nanti.

Sebagai rumusan pemberian peluang kepada juvana untuk mengikuti kelas akademik ataupun bengkel kemahiran banyak membantu dalam meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran dalam diri mereka. Ini turut dinyatakan oleh Cavendish (2014) pemberian pendidikan membantu para juvana menguasai ilmu dan kemahiran yang boleh diaplikasi kelak dalam kehidupan.

### **Metodologi**

Penyelidikan kualitatif secara khususnya kajian kes telah digunakan dalam kajian ini untuk meneroka penguasaan juvana dalam aspek ilmu akademik dan kemahiran vokasional. Rasional pemilihan kajian kes adalah membolehkan pengkaji meneroka isu kajian dalam konteks sebenar, iaitu di institusi pemulihan dan berpeluang bersemuka dengan responden kajian menurut (Creswell, 2013; Othman, 2017).

Lokasi kajian melibatkan dua buah institusi pemulihan juvana iaitu Institusi pemulihan A (nama dirahsiakan) dan institusi pemulihan B (nama dirahsiakan). Institusi pemulihan A menempatkan juvana perempuan dan institusi pemulihan B pula menempatkan juvana lelaki. Kedua-dua institusi ini telah dipilih kerana ianya melaksanakan kelas akademik (kelas tingkatan 3, 4 dan 5) dan beberapa bengkel kemahiran (kimpalan, masakan, menjahit) bagi membekalkan ilmu dan kemahiran kepada juvana. Sesungguhnya pemilihan lokasi kajian yang berseuaian berupaya memberi jawapan yang tepat kepada skop kajian (Chua, 2006) dan saranan ini cuba diikuti oleh pengkaji dalam memilih institusi pemulihan A dan B ini.

Bagi memperolehi data kajian dua kaedah utama telah digunakan iaitu temu bual dan diikuti oleh pemerhatian. Menurut Merriam (1998) dan Othman (2017) melalui kaedah pemerhatian ianya akan menyokong data temu bual yang diperolehi. Pemerhatian melibatkan sesi pembelajaran di kelas akademik dan bengkel latihan. Manakala temu bual pula telah

melibatkan seramai 8 guru dan 15 juvana yang berada di 2 buah institusi pemulihan yang dipilih secara pensampelan bertujuan. Temu bual dengan guru adalah secara individu dan juvana adalah secara berkumpulan. Temu bual berkumpulan digunakan untuk juvana berdasarkan saranan oleh (Krueger & Casey 2009) kerana ianya memberi peluang kepada setiap individu untuk menjawab soalan dalam keadaan lebih santai tanpa rasa tertekan.

Secara asasnya data kualitatif melibatkan perkataan-perkataaan, frasa ayat-ayat dan bukannya dalam bentuk angka sebagaimana data kuantitatif. Maka untuk menganalisis data kajian ini, proses pengkodan dilakukan. Setelah pengkodan data dilaksanakan, tema-tema berkaitan dapatan kajian ini telah diperolehi sebagaimana saranan (Lichtman, 2013; Creswell, 2013). Semasa proses pengkodan data kajian ianya memerlukan pengkaji untuk meneliti, mengenalpasti, menyemak berulang-ulang kali agar data yang diperolehi tepat (Boeije 2010) dan ini yang telah dilakukan sepanjang kajian ini.

## Dapatan Kajian

### *Aspek Pengusaan Kemahiran Vokasional*

Hasil analisis data kajian ini mendapati apabila juvana memasuki institusi pemulihan mereka mempamerkan kebolehan dalam kemahiran vokasional sebagaimana dinyatakan di bawah:

Misalnya juvana lelaki yang mempelajari kemahiran kimpalan mempamerkan keupayaan untuk membuat 'awning' di surau dan membaik pulih 'grill' di asrama

Pk: Boleh cikgu terangkan sedikit projek apa yang dijalankan oleh pelatih bengkel kimpalan di sini?

G9: Projek ini kita banyak buat untuk dalaman sekolah mengikut permintaan dan kemampuan contohnya penambahbaikan pada surau. Awning surau tu mulanya, asalnya kita nak buat satu. Tapi bila tuan datang, dia tengok boleh buat dia suruh hampir seluruh surau nak dipasang awning. Seterusnya ada lagi kita buat *partition* di asrama, *grill-grill* asrama.

(G9:para 35-36)

Kebolehan para juvana dalam kemahiran mengimpal telah dikukuhkan lagi oleh data pemerhatian di bawah. Kemahiran juvana dalam mengimpal dapat diperhatikan semasa mereka memasang 'awning' pada surau institusi pemulihan.

Saya mengikuti juvana ini ke tempat memasang 'awning' di kawasan surau. Di bawah pengawasan guru G9, mereka membuat kerja-kerja tersebut. 'Awning' yang dibuat di surau sememang bertujuan untuk memastikan juvana selesa dan tidak terkena hujan semasa mereka ingin mengambil wudhu dan ingin menyusun kasut di rak. Sepanjang kerja membuat 'awning' juvana kelihatan tekun membuatnya dan mereka kelihatan mampu membuatnya dengan baik

(Pemerhatian bengkel kimpalan, institusi pemulihan B)

Manakala juvana perempuan yang mengikuti kemahiran masakan mempamerkan kebolehan memasak berdasarkan petikan temu bual di bawah:

G3: Aaa..bila pelajar ni dah pandai, boleh tinggal dah pelajar ini untuk buat roti dan kek tanpa pemantauan, sebab mereka dah pandai buat. Aaa..macam baru ni mereka buat kuih raya, ada tempahan daripada luar, orang luar. Aaa..maksudnya pelajar-pelajar ni ada kemahiran buat roti, kek, *cookies*, aaa..biskut raya.

(G3: para 181)

Pemerhatian juga membuktikan kemahiran juvana membuat kek untuk pelawat yang bakal melawat institusi pemulihan ini.

Terdapat 2 orang juvana berada di bilik masakan. Pemerhatian mendapati mereka akan membuat kek di bawah seliaan seorang tukang masak. Semasa pemerhatian dibuat mereka sedang menyediakan kek untuk jamuan kepada pelawat yang ingin melawat institusi.

(Pemerhatian rutin harian juvana perempuan di institusi pemulihan A)

Kemahiran juvana lelaki dalam kemahiran masakan juga boleh dilihat apabila apabila produk roti yang dibuat oleh mereka ditempah orang luar dan ada dijual di kedai luar juga.

G14: Tempahan selalunya dari pihak luar lah. Contohnya, dari cikgu-cikgu luar dan kita letak roti dekat kiosk dan kedai-kedai luar.

(G14: para 74)

Tidak ketinggalan juvana yang mengikuti bengkel menjahit telah berupaya menguasai kemahiran menjahit dan ini dapat dibuktikan apabila mereka terlibat dalam tugas menjahit langsir sekolah (institusi pemulihan) dan baju rakan-rakan lain yang berada di institusi pemulihan tersebut.

G6: Bagi pelajar-pelajar yang mempunyai masa yang lama di sini, mereka akan menjahit pakaian-pakaian sekolah untuk rakan-rakan dan menjahit untuk projek sekolah, misalnya langsir, sarung kerusi. Aaa..dan juga mengambil tempahan daripada staff dalaman, setelah tamat tempoh SKM.

(G6: para 255-256)

### ***Aspek Penguasaan Ilmu Akademik***

Kebanyakan juvana yang memasuki institusi pemulihan ini tidak mempunyai asas pendidikan yang kukuh. Maka seandainya terdapatnya penguasaan dalam pelajaran sedikit sekalipun, ianya boleh dianggap sebagai satu pencapaian untuk mereka. Berikut hasil perkongsian temu bual bersama guru sejarah.

G2: Ooo.. sejujurnyalah, pengalaman saya mula-mula masuk sekolah ni, saya pernah masuk ke kelas tingkatan 5, saya amat terkejut yang mana 25 orang pelajar, memang tak bersekolah luar, ada pun seorang dua sahaja. Selama tiga bulan saya ajar, bulan 4 saya mula masuk silibus tingkatan 5. Alhamdulillah saya nampak ada yang kosong, tak tahu apa-apa, tapi dah nampak penguasaan 70 percent dalam subjek sejarah dan banyak yang lulus.

(G2: para 32)



Hasil pemerhatian semasa di kelas turut mendapati para juvana di dalamnya berupaya menjawab soalan oleh guru berkaitan pelajaran yang diajar.

Semasa pembelajaran guru turut bertanya soalan mengenai pekar yang diajar kepada beberapa orang juvana. Mereka dilihat berupaya menjawabnya.

(Pemerhatian kelas sejarah di institusi pemulihan A)

Selain itu pencapaian dalam subjek Bahasa Melayu semakin meningkat. Para juvana berjaya lulus dalam subjek Bahasa Melayu semasa peperiksaan SPM dan ini melayakkan mereka mendapat sijil SPM.

G3: Untuk subjek BM, kita selalu *push*, tapi bukan secara kasar, tapi *slow talk* dengan dia. Aaa..misalnya sebelum ni, mereka tak tahu nak buat rumusan. Untuk form 5 agak memberangsangkan lah, sebab seorang student dapat 4A. Aaa..kiranya pecah rekodlah. Tahun lepas juga, Alhamdulillah semasa saya mengajar 19 orang pelajar lulus untuk Bahasa Melayu. Aaa..pelajar yang ambil Bahasa Melayu 30 orang, jadi hampir lebih separuh yang lulus. Jadi 19 orang layak dapat sijil. (G3: para 57)

### Perbincangan

Menurut Katsiyannis, Ryan, Zhang & Spann, (2008) golongan juvana rata-ratanya tidak bersekolah atau mempunyai taraf pendidikan yang rendah dan keciciran dari alam persekolahan (Robinson, 2017). Keadaan sebegini dapat dilihat dalam kalangan juvana dalam konteks kajian ini. Memang tidak dapat dinafikan rata-ratanya juvana yang memasuki ke institusi pemulihan A dan B ini tidak mempunyai latar belakang akademik yang baik, kerana kebanyakannya keciciran daripada alam persekolahan. Oleh itu melalui dengan penyediaan kelas akademik dan bengkel kemahiran vokasional sudah tentu membawa kebaikan dalam diri mereka.

Dapatan di kedua-dua buah institusi pemulihan A dan B mendapati para juvana telah berupaya menguasai beberapa kemahiran vokasional seperti kemahiran memasak, menjahit, mengimpal hasil pembelajaran di bengkel. Disebabkan memiliki kemahiran memasak telah membolehkan mereka menyediakan makanan untuk tetamu yang datang ke institusi pemulihan dan mengambil tempahan membuat kek, biskut serta roti dari pihak luar. Kebolehan mereka menguasai kemahiran-kemahiran ini juga dapat dibuktikan apabila mereka mendapat kepercayaan pihak institusi untuk menjahit projek langsir institusi, baju rakan juvana lain, membaikpulih kerosakan surau dan asrama.

Daripada dapatan ini melambangkan juvana dalam kajian ini telah menguasai kemahiran setelah memasuki insituti pemulihan dan dapatan ini menyokong pandangan Esa, et al. (2017), pemberian peluang untuk juvana mempelajari latihan kemahiran vokasional adalah baik kerana ianya membantu mereka lebih berkemahiran berbanding sebelum dimasukkan ke institusi pemulihan.

Dapatan kajian ini menyokong dapatan lepas oleh Ameen & Lee (2012) yang mana tentang adanya peningkatan penguasaan kemahiran dalam diri juvana hasil daripada pembelajaran kemahiran vokasional ketika mereka berada dalam tahanan institusi pemulihan. Bukan itu sahaja dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan Muhammad Rashid Rajudin & Dayana Farzeeha Ali (2010) juga turut memberi dapatan sama dengan pengkaji iaitu latihan kemahiran

memberi kebaikan kepada juvana, iaitu mereka telah mula menguasai kemahiran yang sebelum ini tidak pernah diketahui oleh mereka.

Hasil dapatan pengkaji berkaitan pemerolehan ilmu turut menyokong dapatan pengkaji terdahulu, iaitu Ozdemir (2010), yang turut mendapati program akademik yang dilaksanakan untuk juvana adalah berkesan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan juvana, yang rata-ratanya tidak berilmu pengetahuan kerana keciciran persekolahan. Selanjutnya dapatan pengkaji seialiran dengan dapatan Oesterreich & Flores (2009) komponen pendidikan perlu diimplementasikan oleh institusi pemulihan kerana ianya membantu juvana menjadi individu berilmu pengetahuan yang mana ianya penting untuk mereka kelak.

Seterusnya dapatan kajian terdahulu seperti Oh, Goh, Tam & Heng, (2005) dan dapatan Tam & Heng (2008) turut menyamai dapatan pengkaji di institusi A dan B dalam aspek peningkatan pemerolehan ilmu akademik dan latihan vokasional dalam kalangan juvana. Dapatan pengkaji Juhász, (2014) juga memberikan dapatan yang sama dengan dapatan di institusi pemulihan A dan B, yang mana segala usaha pemberian latihan kemahiran vokasional dan ilmu akademik amat membantu meningkatkan penguasaan ilmu dan kemahiran juvana. Pada asasnya para juvana tidak mempunyai ilmu dan kemahiran vokasional yang baik kerana mempunyai sejarah keciciran dari alam persekolahan.

Berdasarkan perbincangan dapatan pengkaji di institusi pemulihan juvana A dan B, juvana dalam kajian ini mempamerkan peningkatan penguasaan ilmu dan kemahiran berbanding sebelum dimasukkan ke dalam tahanan. Sesungguhnya penguasaan ilmu akademik dan kemahiran oleh juvana dalam kajian ini dapat dibuktikan apabila mereka mendapat kepercayaan pihak institusi untuk terlibat dalam projek dalaman, malah kemampuan juvana turut diperakukan oleh orang luar. Sebagai contoh apabila adanya tempahan biskut raya, kek, roti, baju daripada pihak luar, ini bermakna pihak luar berpuas hati dengan kemampuan dan kebolehan juvana dalam kajian ini.

Secara keseluruhan ilmu akademik dan kemahiran vokasional perlu ditekankan kerana dan ianya memberi banyak kebaikan kepada juvana dalam mengembangkan potensi diri mereka agar dapat bersaing di luar nanti. Apa yang paling penting apabila juvana dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran vokasional, ini mengurangkan risiko pengulangan devian mahupun delikueni semula menurut pandangan (Brown, Forrester, Hull, Jobe & McCullen 2000; Wallace, 2012; Mallett 2016; Burke & Dalmage, 2016).

### **Kesimpulan**

Sesungguhnya pendidikan dan ilmu kemahiran vokasional merupakan satu keperluan bagi setiap individu, termasuklah juvana. Oleh itu pemberian peluang untuk para juvana di institusi pemulihan mempelajari ilmu akademik dan kemahiran vokasional dianggap satu tindakan rasional.

Ini adalah kerana apabila para juvana dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran vokasional, ini membantu mereka memperolehi pekerjaan setelah dibebaskan nanti. Dengan adanya pekerjaan ini dapat mengelakkan mereka daripada terjebak semula dalam melakukan delikueni. Oleh yang demikian tidak hairanlah apabila pihak institusi pemulihan di Malaysia amat menitikberatkan pemberian ilmu pendidikan dan kemahiran untuk juvana kerana banyak manfaatnya untuk mereka.



## Rujukan

- Abu Bakar, N. I., Dawi, A. H., Hashim, A. T. M., Abd Wahab, N., Abdullah, N., & Md Zalli, M. M. (2020). Resosialisasi Juvana dan Perubahan Tingkah Laku. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (12), 35-52. DOI: 10.35631/IJMTSS.312004
- Ameen, E. J., & Lee, D. L. (2012). Vocational training in juvenile detention: A call for action. *The Career Development Quarterly*, 60, 98–108.
- Azizi Yahaya & Rosnah Buang. (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri*. Diakses daripada <http://eprints.utm.my/1483/1/FAKTOR-jurnal1.pdf>.
- Balfanz, R., Spiridakis, K., Neild, R.C., & Letgers, N. (2003). High-poverty secondary school and juvenile justice systems: How neither helps the other and how that could change. *New Directions for Youth Development*, 99, 71-89.
- Benner, G.J., Zeng, S., Armstrong, A.L., Anderson, C., & Carpenter, E (2017). *Strengthening Education in Short-term Juvenile Detention Centers: Final Technical Report*. No. 251118. Diakses daripada [www.ncjrs.gov/pdffiles1/ojdp/grants/251118.pdf](http://www.ncjrs.gov/pdffiles1/ojdp/grants/251118.pdf)
- Boeije, H. (2010). *Analysis in qualitative research*. California, USA: Sage Publication.
- Brown, J., Forrester, S., Hull, K. A., Jobe, D., & McCullen, C. (2000), Analysis of recidivism rates for participants of the academic/vocational/transition education programs offered by the Virginia Department of Correction Education. *Journal of Correctional Education*, 51, 256-261.
- Burke, M.M., & Dalmage, H. (2016). Special education advocacy in the juvenile justice system: Perspectives from probation officers. *Exceptionality* 24(3), 151–164.
- Cavendish, W. (2014). Academic attainment during commitment and postrelease education-related outcomes of juvenile justice-involved youth with and without disabilities. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders*, 22(1), 41–52
- Chua Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. Thousand Oak, California: Sage Publications.
- Esa, A., Abd. Aziz, Z. S.A.A., Mohd Salleh, B., & Mohamad, N. H. (2017). Integrating Vocational Training In Culinary Arts And Islamic Studies At Juvenile Rehabilitation Centres: Malaysian Experience. *Journal of Technical Education and Training (JTET)*, 100, Vol. 9, No.1, June 2017, 100-112.
- Foley, R. (2001). Academic characteristics of incarcerated youth and correctional education programs. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders*, 9(4), 248–259.
- Juhász, A. E. (2014). Resocialization possibilities with education for incarcerated juveniles. *Journal of Legal and Political Sciences*, vol. VIII, No. 1/2014, 1-12.
- Katsiyannis, A., Ryan, J. B., Zhang, D., & Spann, A. (2008). Juvenile delinquency and recidivism: The impact of academic achievement. *Reading & Writing Quarterly: Overcoming Learning Difficulties*, 24, 177–196.
- Krueger, R.A & Casey, M. A. (2009). *Focus groups: Practical guide for applied research*. Thousand Oak, California: Sage publication.
- Leone, P.E., Krezmien, M., Mason, L. & Meisel, S.M. (2005). Organizing and Delivering Empirically Based Literacy Instruction to Incarcerated Youth, *Exceptionality*, 13:2, 89-10
- Lichtman, M. (2013). *Qualitative research in education: A user's guide*. California, USA: Sage Publication Inc.
- Mallett, C.A. (2016). Truancy: It's not about skipping school. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 33, 337-347.

- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study: Applications in education*. New York: Jossey Bass Inc.
- Muhammad Rashid Rajudin & Dayana Farzeeha Ali. (2010). Persepsi pelatih - pelatih lelaki Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka terhadap program latihan kemahiran vokasional yang dijalankan, 1-7. Diakses daripada <http://eprints.utm.my/10197/>
- Oesterreich, H. A. & Flores, S. M. (2009). *The Journal of Correctional Education* 60(2), June 2009, 146-162.
- Oh, E., Terrence Goh, T., Tam, K. Y. & Heng, M. A. (2005). The Captains of Lives: Kaki Bukit Centre Prison School in Singapore. *The Journal of Correctional Education* 56(4), December 2005, 308-325.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tg Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ozdemir, S.M. (2010). An examination of the educational programs held for juvenile delinquents in Turkey. *Education, vol. 130, no. 3, 2010*, 384-310.
- Regoli, R. M. & Hewitt, J. D. (2003). *Delinquency in society*. New York: Mc Graw Hill.
- Robinson, S., Jagers, J., Rhodes, J., Blackmon, B.J., & Church, W. (2017). Correlates of educational success: Predictors of school dropout and graduation for urban students in the Deep South. *Children and Youth Services Review*, 73, 37-46.
- Tam, K. Y. & Heng, M. A. (2008). Rehabilitation for Young Offenders in Hong Kong Correctional Institutions. *The Journal of Correctional Education* 59(1), March 2008, 49-63.
- Wallace, P. (2012). Juvenile justice and education: Identifying leverage points and recommending reform for reentry in Washington, DC. Georgetown. *Journal on Poverty Law & Policy* 19, 15-17.
- Wexler, J., Pyle, N., Flower, A., Williams, J.T., & Cole, H. (2014). A synthesis of academic interventions for incarcerated adolescents. *Review of Educational Research* 84(1), 3-46.